



INSPEM WEEKLY SEMINAR

13/2019



Date & Time

12th April 2019, Friday @ 3.15 pm

Venue

Al-Farabi Seminar Room, Second Floor,
INSPEM

Presenter

Mr. Hasanuddin Yusof

*Maktab Penyelidikan Tamadun Islam
Nusantara*

Topic

*Perpindahan Teknologi Uthmaniyah Ke Alam Melayu Dalam
Lipatan Sejarah*

Penjara merupakan salah satu bentuk hukuman yang syar'i dalam Islam. Dalam sejarah Islam, penjara pertama dibina adalah ketika zaman pemerintahan Khalifah Umar Al Khatab. Ketika zaman pemerintahan Saidina Umar Al Khatab, gabenor Mekah yang bernama Nafi' bin Abd al Harith al Khuza'i telah membeli sebuah rumah besar kepunyaan Safwan bin Umayyah dengan harga 4,000 dirham untuk dijadikan penjara. Sistem pentadbiran penjara kemudiannya telah berkembang di bawah pemerintahan kerajaan-kerajaan Islam selepas zaman pemerintahan Khulafa Ar Rasyidin. Oleh itu, ulama bersepakat bahawa hukum penjara merupakan salah satu bentuk hukuman takzir berpandukan dalil syarak dan tuntutannya dalam kehidupan bermasyarakat. Hari ini, ramai dari kalangan banduan yang beragama Islam. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan membahaskan tentang sebahagian hukum-hakam bagi banduan Islam dalam beribadat ketika berada di penjara. Di samping itu, matlamat kajian ini dilakukan adalah menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh para banduan dalam melaksanakan dan menyempurnakan ibadat mereka. Maka, kajian yang dilakukan adalah merangkumi ibadat-ibadat yang berkaitan dengan rukun Islam iaitu thaharah dan solat, puasa, zakat, haji dan umrah. Antara perbahasan yang dipaparkan dalam kajian ini hukum berkaitan perlaksanaan tayamum dan penentuan arah kiblat. Metodologi penyelidikan yang digunakan ialah penyelidikan kualitatif di samping melakukan kajian teks-teks tentang permasalahan berkaitan. Kajian ini diyakini mampu menjadi rujukan kepada pihak yang berkaitan seperti institusi penjara dalam menyediakan kemudahan beribadat kepada para banduan dan juga menjadi panduan kepada para banduan dalam melaksanakan dan menyempurnakan ibadat mereka.